

Kisah Tauladan III

Saudagar Permata Yang Jujur

Oleh : Hajah Makiah Tussaripah Jamil
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Pada suatu hari, seorang saudagar permata di zaman Tabiin bernama Yunus bin Ubaid menyuruh saudaranya menjaga kedainya kerana dia ingin ke masjid untuk solat. Selepas itu, datang seorang Badwi yang hendak membeli permata di kedai itu. Perhiasan permata yang hendak dibeli harganya empat ratus dirham. Saudara kepada Yunus menunjukkan suatu barang yang sebetulnya hanya berharga dua ratus dirham. Barang tersebut dibeli oleh Badwi tanpa diminta untuk dikurangkan harganya.

Selepas selesai urusan jual beli dan pembeli itu sedang berjalan pulang, dia terserempak dengan Yunus bin Ubaid. Yunus bin Ubaid lalu bertanya kepada si Badwi yang membawa perhiasan dari kedainya tadi. Sememangnya dia mengenali barang tersebut adalah dari kedainya. Saudagar Yunus lalu bertanya kepada si Badwi itu tadi. "Berapakah harga barang ini kamu beli?". Badwi itu menjawab, "Empat ratus dirham." Saudagar Yunus lalu berkata, "Tetapi harga sebenarnya cuma dua ratus dirham sahaja. Mari ke kedai saya supaya saya dapat kembalikan wang selebihnya kepada saudara." Badwi itu menolak sambil menjawab, "Biarlah, ia tidak perlu. Aku berasa senang dan beruntung dengan harga empat ratus dirham itu sebab di kampungku harga barang ini paling murah berharga lima ratus dirham."

Tetapi saudagar Yunus tetap tidak mahu melepaskan Badwi itu pergi. Didesaknya juga agar Badwi tersebut balik ke kedainya dan dikembalikan wang baki kepada Badwi tersebut. Setelah Badwi itu beredar, berkatalah saudagar Yunus kepada saudaranya, "Apakah kamu tidak berasa malu kepada Allah SWT atas perbuatanmu menjual barang tadi dengan dua kali ganda?" Marah saudagar Yunus lagi. "Tetapi dia sendiri yang mahu membelinya dengan harga empat ratus dirham." Saudaranya cuba mempertahankan bahawa dia di pihak yang benar. Kata saudagar Yunus lagi, "Ya, tetapi di atas belakang kita terpikul satu amanah untuk memperlakukan saudara kita seperti memperlakukan terhadap diri kita sendiri."

Tauladan yang boleh kita ambil daripada kisah ini ialah sesungguhnya sifat amanah dan jujur merupakan satu sifat sangat mulia yang seharusnya dimiliki oleh semua orang yang beriman. Rasulullah SAW merupakan contoh tauladan yang paling tepat dalam menunjukkan kepada kita betapa pentingnya menjadikan amanah sebagai satu sifat mahmudah yang wajib kita amalkan dalam kehidupan kita seharian. Kita sepatutnya menjauhkan diri kita daripada melakukan suatu perbuatan yang boleh menyebabkan kita mengkhianati amanah yang diletakkan di atas bahu kita demi mendapatkan habuan atau kepentingan peribadi semata-mata.